

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
18 DISEMBER 2015**

1. TERIMA KASIH KEPADA AHLI MAJLIS TAHUN 2015

Sempena dengan Majlis Penuh yang terakhir pada tahun ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP yang telah banyak memberikan kerjasama dan komitmen dalam membawa MPSP ke arah yang lebih baik dari segi pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada stakeholder.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan media yang turut membantu MPSP dalam menyebarkan maklumat-maklumat / program-program MPSP. Saya berharap kerjasama yang erat dengan rakan-rakan media akan dapat diteruskan di tahun hadapan.

**2. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH
TAHUN 2016**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2016 yang telah bermula pada 15 November 2015 yang lalu akan tamat pada 31 Disember 2015. Pembayar cukai

taksiran yang masih belum membuat bayaran dan ingin menyertai cabutan bertuah boleh membuat bayaran dengan segera di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi.

Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP. Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web www.mpsp.gov.my atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau emel di waran@mpsp.gov.my.

3. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT MPSP PADA HARI SABTU & AHAD BAGI BULAN JANUARI DAN FEBRUARI 2016

Sukacita dimaklumkan, Kaunter Berpusat MPSP di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda akan membuka kaunter perkhidmatan dan bayaran pada setiap hari Sabtu dan Ahad bagi bulan Januari dan Februari 2016 kecuali hari cuti umum seperti ketetapan berikut :

Waktu : 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari

Hari : Setiap Sabtu dan Ahad

Tempat : Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda

4. BORANG SOAL SELIDIK TAHUN BAJET 2017

Di sini juga saya ingin memaklumkan bahawa Majlis sekali lagi menyediakan Borang Soal Selidik Bajet 2017 untuk mendapatkan pandangan daripada warga Seberang Perai berhubung tahap kepuasan pelanggan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP. Hasil daripada soal selidik ini akan digunakan sebagai input kepada perancangan tahun 2017 ke atas perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh Majlis.

Soal selidik kali ini akan diedarkan di kawasan-kawasan terpilih di seluruh Seberang Perai seperti di pasaraya-pasaraya besar, kawasan-kawasan awam serta di program-program anjuran MPSP. Warga Seberang Perai juga boleh mengambil bahagian dalam Soal Selidik Bajet 2017 secara online dengan melayari laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my mulai 1 Januari 2016 sehingga 28 Februari 2016.

Borang soal selidik (*hard copy*) ini juga akan diedarkan kepada semua YB Adun dan Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing bagi membolehkan masyarakat setempat turut serta dalam soal selidik bajet kali ini. Soal Selidik Bajet 2017 telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa

Cina dan Bahasa Tamil supaya komuniti pelbagai bangsa boleh memahami soal selidik dan turut mengambil bahagian dalam soal selidik kali ini.

Majlis amat menghargai masa dan kerjasama semua warga Seberang Perai dalam memberi pandangan dan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklumbalas yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam persediaan Bajet MPSP 2017. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai yang terlibat ditalian 04-5497460 @norshazila@mpsp.gov.my (Puan Norshazila), 04-5497668 @mazriff@mpsp.gov.my (Encik Mohamad Nizam) dan 04-5497841 @ rahida@mpsp.gov.my (Pn. Rahida).

5. PENCAPAIAN MPSP BAGI TAHUN 2015

Sempena dengan Mesyuarat Majlis Penuh yang terakhir bagi tahun 2015, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa sepanjang tahun 2015, MPSP telah berjaya memperolehi beberapa anugerah di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa seperti berikut:

i. Peringkat Negeri

- Mendapat **Johan dalam Pertandingan Tandas Bersih (Sijil+RM2,000.00)**, Kategori Tandas Awam Kompleks

Makanan Taman Sentosa dan Saguhati untuk Kategori Agensi Kerajaan (Sijil+RM300.00), Tandas Awam Pasar Perkampungan Juru dan Tandas Awam Pasar Kg Baru.

- **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)** sempena Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang

a) Anugerah Khas untuk Anugerah Inovasi Pengurusan

Kewangan (AIPK) dengan tajuk Projek : INSENTIF DAN TINDAKAN PUNITIF BAGI KUTIPAN HASIL DAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN oleh Jabatan Perbendaharaan. (Sijil+Plak+RM3,000.00)

- b) Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)** dengan Projek: KAUNTER BERGERAK MULTISKILL oleh Kumpulan CMS Team (Kumpulan KIK MPSP 2014). (Sijil+Plak+RM3,000.00)

- c) Naib Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)** dengan Projek : SISTEM PEMANTUAN PINTAR (SPP) oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa. (Sijil+Plak+RM2,000.00)

- **Naib Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)-** (Sijil+Plak+RM3,000.00)

Kumpulan KIK (Kumpulan Inovatif dan Kreatif) 3i dari Jabatan Perbandaran, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan

Kejuruteraan MPSP telah berjaya mendapat Naib Johan dalam Konvensyen KIK Peringkat Negeri Pulau Pinang. Projek yang telah memenangi anugerah tersebut adalah "**Lori Kompaktor Berirama**". Kumpulan KIK 3i mendapat persembahan terbaik dengan hadiah RM500.00.

- MPSP telah dipersijilkan sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang dari Penang Green Council untuk kali kedua. (September 2015 - September 2017)

ii. **Peringkat Kebangsaan**

- Naib Johan dalam **Anugerah Inovasi Sektor Awam 2015 (AISA)** bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan sempena Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2015. MPSP telah menerima sijil dan wang tunai sebanyak RM 100,000.00.
- Naib Johan dalam **Anugerah Khas Pelaksanaan Inisiatif Kejiraninan Hijau** melalui Program Pengkomposan Sisa sempena sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2015. MPSP menerima sijil dan wang tunai bernilai RM 5,000.00
- **Anugerah Kualiti Sirim 2015 (Kategori Agensi Kerajaan)** dan Majlis Penyerahan Anugerah tersebut telah diadakan pada Majlis SIRIM Industri 2015 pada 13 November 2015 di Sunway Resort Hotel and SPA Bandar Sunway, Selangor.

• **Pengiktirafan The Malaysia Book of Records (MBR)** sebagai **Pihak Berkuasa Tempatan Pertama** yang menerima lima (5) Persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti iaitu:

1. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)
2. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
3. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
4. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
5. Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti 5S(QEMS)

• **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) KPKT 2015**

Inovasi MPSP iaitu :-

1. Kaunter Bergerak Multi Skill
2. Profesional Sniper Gadget (PSG)
3. Sistem Pemantauan Pintar (SPP)
4. Self Manage Recycle Center (SMRC)

MPSP telah berjaya disenarai pendekkan dalam **enam (6) finalis terbaik** dari 19 penyertaan PBT dalam Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2015 dan telah mendapat **Insentif Penghargaan sebanyak RM 100,000.00** daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

iii. Peringkat Antarabangsa

- MOU FRIENDSHIP CITY DIANTARA MPSP BERSAMA CITY OF YOKOHAMA**

Dimaklumkan bahawa MPSP telah menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan City of Yokohama , University of Yokohama , JICA, USM pada 20 Oktober 2015.

Disini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan dan semua kakitangan di atas kejayaan ini dan MPSP akan terus berusaha maju ke hadapan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk Seberang Perai.

6. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-9 pada 3 Januari 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Datanglah beramai-ramai untuk

memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai

7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 3 Januari 2016 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 17 Januari 2016 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 Januari 2016 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

8. IDEAL PROPERTY TRISTATE 160 FELLOWSHIP RIDE

Sebagai makluman semua, Ideal Property Group dan Kelab Berbasikal G (G-Club) dengan kerjasama MPSP akan menganjurkan *IDEAL PROPERTY TRISTATE 160 FELLOWSHIP RIDE* pada 10 Januari 2016 (Ahad) bermula 6:30 pagi hingga 1:00 tengahari di Auto City, Juru. Program ini juga adalah disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan selaras dengan hasrat

Kerajaan Negeri menjadikan warga Pulau Pinang lebih sihat. Acara berbasikal ini akan melibat kayuhan sejauh 160km yang merentasi tiga buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak dan Kedah.

9. HARI MAULIDUR RASUL

Dimaklumkan bahawa pada 24 Disember 2015, Khamis adalah Hari Maulidur Rasul. Hari tersebut adalah hari cuti umum bagi negeri Pulau Pinang.

10. SELAMAT MENYAMBUT HARI NATAL

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua penganut Agama Kristian yang bakal meraikannya pada 25 Disember 2015 (Jumaat) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

11. SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2016

Dimaklumkan bahawa hari pertama Tahun Baru 2016 akan akan disambut pada hari Jumaat dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am. Saya dengan ini mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2016 kepada semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan seluruh warga Seberang Perai khasnya. Semoga segala usaha dan rancangan pada tahun 2015

telah tercapai dan 2016 yang akan datang akan memberikan lebih kejayaan kepada semua.

12. HARI THAIPUSAM

Dimaklumkan bahawa pada 24 Januari 2016, Ahad adalah Hari Thaipusam. Justeru, 25 Januari 2016, Isnin adalah hari cuti gantian bagi negeri Pulau Pinang.

SEKIAN, TERIMA KASIH.